

Reagan puji pemimpin Malaysia

WASHINGTON, Selasa — Presiden Amerika Syarikat, Ronald Reagan, semalam memuji Malaysia dan para pemimpinnya sambil yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama antara Amerika Syarikat dan Malaysia akan dikekalkan dan diperteguhkan di tahun-tahun akan datang.

Presiden Reagan memuji Malaysia dan pemimpinnya ini ketika membalas ucapan Duta baru Malaysia ke Amerika, Datuk Lew Sip Hon, yang menyerahkan taullahnya kepada Ketua Negara Amerika itu di Rumah Putih, di sini semalam.

Pemimpin Amerika itu juga menerangkan hubungan baik antara Malaysia dan negaranya itu bukanlah berdasarkan kepada sebarang ikatan rasmi atau tanggungjawab yang dijanjikan, tetapi adalah atas semangat nilai dan harapan bersama yang lebih erat.

Bellau menerangkan, ia menunggu ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang akan berkunjung ke Amerika Amerika bulan ini (Perdana Menteri malam esok akan berlepas untuk melakukan lawatan rasmi keempat buah negara termasuk Amerika Syarikat).

Kepada Datuk Lew, Presiden Reagan menerangkan, Malaysia terkenal kerana pengurusan baik terhadap sumber-sumber aslinya dalam proses pembangunan ekonomi.

Presiden itu juga berharap Amerika akan dapat membuat sumbangan terhadap proses perindustrian di Malaysia.

Bellau menghargai pendirian Malaysia yang memberikan sokongannya kepada Amerika dalam usahanya menyelesaikan beberapa isu antarabangsa.

Mengenai Kampuchea, Presiden itu memberi jaminan bahawa Amerika Syarikat menyokong penuh cadangan Asean terhadap pengunduran tentera Vietnam dari negara itu.

Cergas berusaha

"Kami bersama saudara dalam hasrat mencapai satu bentuk kedamaian dan kemewahan dunia dalam mana tidak sebuah negara pun atau kumpulan negara dikuasai oleh negara-negara yang lebih kuat dan agresif," ujar Presiden Reagan.

Sementara itu, Datuk Lew dalam ucapannya sebelum ini menyatakan penghargaan Malaysia terhadap tanggungjawab yang dijanjikan oleh Amerika Syarikat untuk menyokong negara-negara kecil dalam setiap tindakan, baik di bidang politik, ekonomi mahupun keselamatan.

"Kami di Malaysia menghargai sokongan yang diberikan oleh kerajaan Amerika Syarikat yang cergas berusaha untuk mencapai penyelesaian terhadap beberapa isu antarabangsa termasuk Kampuchea," kata Datuk Lew.

Bellau menerangkan, lawatan Perdana Menteri bulan ini adalah satu kenyataan hasrat Malaysia untuk membuka nilai-nilai baru terhadap bidang kerjasama dan persefahaman antara kedua-dua buah negara demi kepentingan bersama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia